



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA PEMBUKAAN PERSIDANGAN PERTAMA PENGGAL
KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG
KEEMPAT BELAS**

**PADA 21 SEPTEMBER 2021 (SELASA)
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

**“MENUJU TRANSFORMASI SEJAHTERA 2035”
(TS35)**

BismillahirRahmanirRahim,

*Alhamdulillahi Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu
A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi
Wasohbihai Ajmain, Amma Ba'du,*

Didahului dengan lafaz seafdal-afdal Selawat,

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad, Kama Sol-laita A'la Saidina Ibrahim, Wa A'la A-li Saidina Ibrahim, Wa Barik A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li Saidina Muhammad, Kama Barakta A'la Saidina Ibrahim Wa A'la A'li Saidina Ibrahim, Fil A'lamin Inna Hamidum Majid.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA,**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI AB. RAUF BIN YUSOH
SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA,**

**YANG BERHORMAT DATO' TS KAMEL BIN MOHAMAD
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA,**

**YANG BERHORMAT TUAN HAJI ADLY BIN ZAHARI
KETUA PEMBANGKANG, MERANGKAP ADUN BUKIT KATIL,**

**YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI,**

YANG BERHORMAT DATUK WIRA TIMBALAN SPEAKER,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG TIDAK DAPAT SAYA
SEBUTKAN NAMANYA SATU PERSATU, NAMUN ITU TIDAK
HILANG HORMAT DAN NILAI PERSAUDARAAN SAYA**

KEPADA SEMUA, SERTA SAUDARA DAN SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

Saya bangun mencadangkan satu Usul yang berbunyi:

"Dewan dengan sukacitanya mengambil ketetapan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka kerana sudi menyampaikan Ucapan Perasmian Pembukaan Persidangan di Dewan Undangan Negeri Yang Mulia ini".

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MUKADIMAH

1. Syahadan, saya bersama seluruh keluarga kepimpinan menzahirkan, sekalung **tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, sempena Ulangtahun Hari Lahir Tun Seri Setia yang Ke-72 pada 24 Ogos baru-baru ini.**
2. Sejambak syabas juga kepada **Yang Berhormat Dato' Sri Speaker**, yang baru semalam, menyambut ulangtahun hari kelahirannya.
3. Di kesempatan ini, dengan penuh hormat dan kerendahan hati, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas keyakinan kepada saya dan kepimpinan Kerajaan, bagi terus menerajui Negeri Melaka menuju puncak maju jaya.
4. Dengan kepercayaan itu, saya dengan tulus insaf dan rasa tanggungjawab, akan menggalas amanah ini sepenuh kejujuran, demi memberikan perkhidmatan terbaik kepada Negeri serta rakyat Melaka.

5.Berkat doa dan iltizam semua, saya yakin, kita mampu menghadapi apa jua rintangan dan cabaran. InsyaAllah!

6. Bagai bidalan pantun Melayu;

**Sejarah Melaka gemilang bestari,
Kaya warisan makmur terulung,
Tun laksana payung negeri,
Seluruh rakyat sejahtera bernaung.**

7. Semoga Tun Seri Setia **dikurniakan afiat usia berpanjangan**, memayungi Melaka negeri tercinta ini, seraya **kita beri takzim, tepuk hormat kepada Tun Seri Setia!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

8. Muqadimahnya, marilah kita mengambil barakah melalui mafhum firman Allah Subhanahu Wa Taala, dalam surah **Al-Hujurat ayat 13** bahawa:

يَا يَاهَا أَلْنَاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ
وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَهُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتُقْدِسُهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ۝

Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Kami telah ciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, kemudian Kami telah jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku puak, supaya kamu saling berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya, orang yang paling mulia di sisi Allah adalah mereka yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti.

9. Maksud firman ini, menyeru kita **mengukuhkan perpaduan dan persepakatan bersama**, atas dasar ‘5T’.

T yang pertama adalah **Taaruf** atau sebutan asalnya ‘*litaa’rafu*’, yakni **berkenal-kenalan**;

T yang kedua adalah **Tarahum** yakni hormat menghormati, beramah mesra sesama kita;

T ketiga adalah **Tafahum** yakni, saling faham-memahami antara satu sama lain;

T keempat adalah **Taa’wun** yakni, tolong-menolong di antara satu dengan yang lain; dan

T kelima ialah **Takaful** yakni, saling lindung melindungi di antara sesama.

10. Kesemua **konsep 5T** ini, akan saya perincikan kupasannya, sewaktu ucapan gulung penangguhan di akhir sidang DUN nanti InsyaAllah.

11. Apa yang pasti, konsep 5T ini bukan sahaja selari dengan dasar **Halatuju Melaka Rumahku**, bahkan secocok berpayung di bawah konsep **inklusif Keluarga Malaysia**.

Yang Berhormat Dato’ Sri Speaker,

12. **Alhamdulillah Tsum-mal Hamdulillah**, hari ini, tanggal **21 September 2021, bersamaan 14 Safar 1443 Hijriyah**, sekali lagi, takdir Allah menetapkan, kita dapat berhimpun di Dewan yang mulia ini, dalam norma baharu, bagi menyempurnakan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat, sempena **Pembukaan Persidangan Pertama, Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Melaka bagi kali ke-14 ini**.

13. Semuanya, ini menzahirkan bahawa, prinsip demokrasi seperti diungkap oleh Abraham Lincoln, dengan izin,... ***“government of the people, by the people, for the people,... tetap teguh terpelihara di bumi Melaka, bahkan makin subur nyalaan demokrasinya, di bawah panji Keluarga Besar Kerajaan Negeri Melaka.***
14. Di sisi ini juga, saya turut menzahirkan setulus syabas kepada **Yang Amat Berhormat DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**, kerana dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-9 pada 21 Ogos 2021 lalu.
15. Sememangnya, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka **menyambut baik pendekatan Keluarga Malaysia** oleh YAB Perdana Menteri dan optimis, kerjasama yang lebih kukuh dapat dibina dengan Kerajaan Persekutuan, sebagai satu pasukan unggul, demi kesejahteraan rakyat seluruhnya.
16. Apatah lagi, pendekatan Keluarga Malaysia **selari dan secocok dengan halatuju dan konsep MELAKA RUMAHKU** yang kami perkenalkan tahun lalu dalam mewajah masa depan Melaka menuju gemilang dan lestari, demi kebersatuhan masyarakatnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

17. Selanjutnya, saya bersama semua anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan seluruh jentera perkhidmatan awam negeri Melaka, mengalu-alukan kehadiran **Yang Berhormat Dato' Ts. Kamel bin Mohamad, sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu.**
18. Kepada YB Dato', saya pinta, berkhidmatlah dengan penuh dedikasi, membantu kami dalam mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian, kecekapan dan KPI perkhidmatan Awam Negeri ke tahap prestasi maksimum, supaya kita menjadi Kerajaan

inklusif, yang tidak putus-putus mendengar serta merasai denyut nadi rintihan rakyat.

19. Kepada **Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri**, kami ucapkan selamat bersara dan sebagai penghargaan atas khidmat bakti yang ditaburkan, **marilah semua, kita beri tepukan penghargaan kepadanya!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TRANSFORMASI SEJAHTERA POLITIK DAN PENTADBIRAN

20. Menyebut tentang **Keluarga Malaysia** tadi, jika Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan beberapa Transformasi Parlimen dan Pentadbiran dengan pihak Pembangkang,...
21. **Demi kestabilan politik,... demi mengekang wabak COVID-19,... dan demi memulihkan ekonomi,...**
22. **Maka saya Haji Sulaiman Md. Ali, ADUN Lendu, mewakili Kerajaan Negeri Melaka, bersama sahabat-sahabat pimpinan yang ‘duduk di sebelah sini’, kami seikhlas hati, ingin membuat suatu tawaran baharu atau a new deal, kepada ‘sahabat-sahabat yang di seberang sana’ iaitu,...**
23. **Suatu kerjasama yang merentasi sempadan tembok politik, agama, ekonomi, budaya dan hal kemanusiaan, tanpa membezakan latar belakang keturunan dan bangsa, serta sudut pandang berlainan, demi kestabilan dan kebijakan rakyat Melaka.**
24. **“Serumpun bak serai, sesusun bak sirih”,... atas perpaduan dalam MELAKA RUMAHKU dan Keluarga Besar Melaka,... kerjasama ini, ada yang telah saya zahirkan,... dan ada yang akan saya umum,... dengan beberapa pendekatan serta tindakan permulaan:**

25. Pertama: pada Ucapan Penggulungan Sempena Perbahasan Usul Bajet Negeri Melaka 2021 lalu, saya telah hulurkan salam persahabatan bahawa, ‘sahabat-sahabat di sebelah sana’ menjadi ‘Rakan Strategik’ atau istilah Arabnya disebut, “SADII-QUL IS-TRA-TI-JIY-YAH”, kepada ‘pihak Kerajaan di sebelah sini.’
26. Kedua: Saya juga telah naikkan peruntukan emolumen untuk Pusat Khidmat ADUN kepada ‘sahabat-sahabat di seberang sana’ daripada 42,000 ribu ringgit kepada 60,000 ribu ringgit setahun, mulai Januari tahun ini.
27. Ketiga: Hari ini, saya ingin umumkan penjenamaan semula Jawatan Kuasa Khas COVID-19 Negeri Melaka, yang kini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Ghafar bin Haji Atan, dijenamakan kepada ‘Majlis Pengurusan dan Pemulihan COVID-19’ atau MPPC, dengan menjemput wakil rakyat ‘sahabat kita di sebelah sana’ untuk menyertai MPPC ini.
28. Bagi pengumuman keempat, saya ingin mencadangkan agar, Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah atau JTPD, yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing, bukan sahaja turut melibatkan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri di pihak Kerajaan, malah selepas ini, kita akan turut mengundang pihak ‘sahabat di sebelah sana’ untuk turut terlibat sama.
29. Untuk yang keempat ini, saya sendiri akan mengangkat maklum cadangan ini ke pengetahuan YAB Perdana Menteri Malaysia, untuk dipertimbangkan bagi kebenaran pihak pembangkang atau saya suka sebut ‘Rakan Strategik’ kita, bagi menyertai JTPD ini.
30. Kelima: Saya juga turut mencadangkan supaya keanggotaan Ahli Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Melaka atau

MTENM turut mengundang wakil ‘Rakan Strategik’, ‘sahabat kita di sebelah sana’ untuk menyertainya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

31. Ada lagi perkara menarik yang akan saya umumkan sebentar lagi. Mohon bersabar ya!
32. **Sebelum itu, saya ingin tahu, kalau setuju dengan cadangan ini,... sebagai tanda sambut sokongan, kepada salam perpaduan dan kerjasama KELUARGA BESAR MELAKA, DALAM KERANGKA MELAKA RUMAHKUINI, kepada 28 ADUN dan semua yang hadir dalam Dewan ini, saya nak dengar,... suatu tepukan yang paling gemuruh di dalam dewan yang mulia ini!**
33. **Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian! Terima kasih! Saya amat menghargainya!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

TRANSFORMASI SEJAHTERA AGENSI DAN PERKHIDMATAN KERAJAAN

Perancangan Pembangunan

34. **Keenam:** Pada 8 Mac 2021, kita telah melancarkan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 atau PSMJ 2035**. Apa itu **PSMJ 2035?** **PSMJ** itu bukanlah pelan biasa-biasa. Ia adalah **perancangan tindakan strategik, ‘dynamic living document’, komprehensif lagi holistik, direncana untuk tempoh 15 tahun mendatang.**
35. Ada **5 Melaka Key Result Area (MKRA)** sebagai bidang keberhasilan utama dan **11 Flagships, yang diikuti penetapan 107 Quick Wins serta 288 KPI**, dipilih untuk memacu pembangunan bagi tempoh satu setengah dekad mendatang.

36. Menyentuh tentang KPI ini, saya telah tetapkan:
37. **Satu:** **KPI setiap agensi dan anak syarikat dipantau dan dinilai berdasarkan *performance based*.** Mereka juga perlu menyumbang 2 peratus setahun daripada pendapatannya kepada Kerajaan Melaka.
38. **Dua:** Kita akan menggunakan dua indikator iaitu indikator OECD dan Matlamat Pembangunan Lestari yakni *Sustainable Development Goal* atau SDG, bagi menilai kemajuan dan kemampuan Negeri Melaka.
39. Untuk ini, Kerajaan Melaka akan melaksanakan kajian dan penilaian semula indikator-indikator OECD dan juga indikator baharu SDG, supaya kedua-duanya ini selaras dengan PSMJ 2035.
40. **Tiga:** Segala perancangan program dan projek yang disenaraikan di dalam Dokumen PSMJ 2035, dipantau secara telus melalui Sistem Melaka Laksana, untuk memastikan semua pembangunan dapat berjalan lancar.
41. **Menurut Laporan Score Card melalui Sistem Melaka Laksana, setakat 14 September 2021, prestasi keseluruhan PSMJ 2035 telah mencapai 67 peratus. Syabas kita ucapkan!**
42. Hal ini disebabkan wabak COVID-19, yang tidak memungkinkan kita beroperasi pantas seperti biasa, namun, kita tetap sedaya mungkin melakukan prestasi yang terbaik.
43. Ada beberapa bulan lagi, untuk kita tingkatkan prestasi agar mampu capai markah cemerlang.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

44. Profesor Justin Yifu Lin, pakar ekonomi dari Bank Dunia dalam bukunya *The Quest for Prosperity* mengungkapkan, “new challenges require new solutions”.
45. Berkait itu, sejak saya mengambil alih tampuk kepimpinan sepanjang 18 bulan lalu, pelbagai dasar, inisiatif dan perancangan strategik yang telah kita bangunkan.
46. Terutama di kala pelbagai krisis sedang melanda, *to me many of them are unprecedented*. Ini semua menuntut supaya kita bertindak secara ‘**business not as usual**’, **pendekatan di luar kotak kelaziman biasa**, penekanan kepada pendekatan berimpak tinggi dan efektif, *to deliver fast results* atau menghasilkan *Big Fast Results*.
47. Kita telah bina **halatuju MELAKA RUMAHKU yang komprehensif, pencapaian 100 hari**, kita telah selesaikan banyak hal-hal kebaikan rakyat termasuk, menarik balik catuan air, kita **bentang Bajet 2021** yang mengandungi lebih 80 inisiatif, dalam amanat tahun baharu, saya tegaskan bahawa, tahun ini adalah *a year of implementation* atau **Tahun Pe-lak-sa-na-an dengan tagline Bagi Jadi, Kasi Jadi**. Kita juga telah lancarkan Pelan inklusif Jangka Panjang PSMJ 2035. Selepas ini, kita akan lancarkan pula Smart City dan Pelan Perancangan Data Raya (PPDR 2035).
48. **Ini semua adalah transformasi, kita buat satu persatu. Ia berterusan dan tidak akan berhenti. Transformasi politik dan pentadbiran, transformasi agensi dan anak syarikat kerajaan serta transformasi ekonomi dengan mewujudkan M-WEZ.**
49. **Ada orang bertanya saya, Tok Leman, semua dasar, inisiatif dan transformasi tersebut, hendak dibawa ke mana? Ke arah mana yang hendak dituju sebetulnya?**
50. **Jawapan saya begini. Semuanya ini, apa juar dasar dan perancangan kita itu, sebenarnya berfokus kepada apa yang saya gagas atau istilahkan sebagai MENUJU TRANSFORMASI SEJAHTERA 2035 atau TS35.**

51. **TS35 inilah harapan kita. TS35 inilah wawasan saya dan kita semua. TS35 ini ada di mana-mana. TS35 inilah juga yang akan kita wariskan kepada anak-anak muda, waima cucu zuriat keturunan kita.**
52. **TERNYATA, TS35 INI AKAN MENJADI KANVAS BAHARU BERSIFAT INKLUSIF,... SARAT DI DALAMNYA DENGAN ASPIRASI,... DEMI MEMBAWA NEGERI MELAKA PULIH EKONOMINYA,... TERJAGA KEBAJIKAN RAKYATNYA,... KEMAKMURAN DIKONGSI BERSAMA,... BERSIAP SIAGA MENDEPANI INDUSTRI 4.0 DAN KOMUNITI 5.0,...**
53. **DALAM MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN MELAKA SEBAGAI PUSAT PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN TERSOHOR DUNIA, SEKALIGUS AGENDA FUTURISTIK MENJADI PUSAT KETAMADUNAN ISLAM SERANTAU TERKEMUKA GLOBAL. INSYA ALLAH!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

PROSPEK EKONOMI NEGERI

54. Hampir semua negara di seluruh dunia, berdepan dengan cabaran ketidaktentuan ekonomi global, akibat wabak COVID-19.
55. Negara Malaysia, hatta negeri kita pun turut terkena kesan tempiasnya. Sebab itulah, prestasi KDNK Melaka tahun 2020 mencatatkan, nilai penyusutan kepada RM41.3 bilion ringgit, berbanding RM43.6 bilion ringgit tahun 2019, menguncup pada kadar negatif 5.9 peratus, berbanding 2019 pada kadar 2.9 peratus. Dari sudut pendapatan per kapita pula, Melaka mencatatkan sebanyak RM 45,936.
56. Di sudut sumbangan ekonomi, sektor Perkhidmatan dan Pembuatan mendominasi struktur ekonomi Melaka dengan masing-masing menyumbang sebanyak 48.6 peratus dan 37.3 peratus.

57. Sektor Pertanian pula menyumbang sebanyak 11.2 peratus, manakala sektor Pembinaan menyumbang 2.4 peratus, diikuti oleh sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang hanya memberikan sumbangan kecil iaitu, 0.1 peratus kepada ekonomi Negeri Melaka.
58. Selanjutnya, yang paling merosot adalah sektor pembinaan iaitu negatif 26.9 peratus, diikuti sektor perlombongan negatif 10.3 peratus, sektor pembuatan negatif 8.5 peratus dan sektor perkhidmatan negatif 4.6 peratus.
59. Menurut **Laporan Sosioekonomi Negeri 2020 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 5 ogos lalu**, meskipun **eksport barang negara menurun 1.4 peratus**, namun, berbanding negeri-negeri lain, **Melaka berada di tempat keempat, di belakang Pulau Pinang, Pahang dan Perak, dengan merekodkan peningkatan eksport barang sebanyak 1.7 peratus**.
60. Walaupun **kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 4.5 peratus pada 2020**, namun Melaka mencatatkan kadar **pengangguran kedua terendah di seluruh negara iaitu 2.2 peratus**, selepas Wilayah Persekutuan Putrajaya.
61. Di sudut ini, walaupun pertanian negara **mencatatkan purata negatif 2.2 peratus pada 2020**, namun **negeri ini merekodkan pertumbuhan daripada RM4.433 bilion kepada RM4.598 bilion iaitu 3.7 peratus**, yang menjadikan **Melaka sebagai negeri tertinggi pertumbuhan pertanian di Malaysia**.
62. Laginya, seperti dimaklumkan sebelum ini, dalam tempoh setahun pada 2020, Kerajaan Melaka telah berjaya mengurangkan hutang kepada Kerajaan Persekutuan, **berjumlah 178.39 juta ringgit!**

63. Sungguhpun demikian, Kerajaan Melaka tidak berdiam diri, malah terus mengukuhkan kedudukan kewangan dan membantu rakyat, melalui pakej rangsangan ekonomi serta pebagai inisiatif, demi kekal kompetitif bersaing dengan negeri-negeri lain.
64. Contohnya tahun lepas, **kita telah berjaya mengutip hasil berjumlah hampir 393 juta ringgit, iaitu 108 peratus daripada sasaran sebenar. Kepada semua pihak dan agensi yang bekerjasama, tahniah saya ucapkan!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MENGGALAKKAN PELABURAN

65. Siapa tidak kenal Melaka? Dulunya menurut **Fernao Lopes De Castanheda**, “**pelabuhan Melaka adalah pelabuhan terbesar bagi perdagangan komuditi yang paling kaya yang dikenali di dunia**”.
66. Justeru **ketujuh**: Kita akan memperhebat dan menggalakkan pelaburan dengan mempromosikan Melaka sebagai salah sebuah destinasi pelaburan yang kondusif di negara ini.
67. Seperti dimaklumi, mulai 4 September 2021, Negeri Melaka telah beralih ke Fasa Dua Pelan Pemulihan Negara (PPN).
68. Cabaran utama pandemik COVID-19 adalah rakyat telah kehilangan sumber mata pencarian secara drastik bagi meneruskan kehidupan, yang secara langsung turut memberi kesan kepada kadar pengangguran di Melaka.
69. Justeru, Kerajaan komited memastikan Negeri Melaka sebagai lokasi pelaburan kompetitif di mata para pelabur asing. Kerajaan giat meneliti semula dasar dan menyusun semula strategi pelaburan negara, bagi memastikan pelaksanaan projek berimpak tinggi dapat disegerakan dalam tempoh mencabar ketika ini.

70. Kerana, Kerajaan Melaka mensasarkan jumlah tahunan nilai pelaburan asing dan tempatan di dalam sektor pembuatan adalah sebanyak RM5.0 bilion.
71. Terbaharu, data terkini dikeluarkan oleh MIDA, dari **Januari hingga Jun 2021**, sebanyak **10 projek pembuatan dan 72 perkhidmatan telah diluluskan**, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **82 projek**, dengan jumlah nilai pelaburan **sebanyak RM4.260 bilion** iaitu RM861 ribu adalah pelaburan domestik, manakala hampir RM3.399 bilion dari pelaburan langsung asing.
72. Dengan kelulusan projek-projek pelaburan tersebut, kita jangkakan, bakal mewujudkan lebih 2,500 peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Negeri Melaka.
73. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelaburan domestik, kerajaan, melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya:
- Mempamerkan Landskap Pelaburan Domestik;
 - Menambahbaik Pertumbuhan Syarikat Domestik;
 - Memperkasakan Syarikat Tempatan yang Berpotensi; dan
 - Mengloblisasikan Pemain-Pemain Industri Tempatan.
74. Pada masa sama, Kerajaan Negeri terus giat mempromosi Melaka sebagai destinasi pelaburan kompetitif di persada dunia. Antara usaha-usaha Kerajaan adalah:
- Memperluaskan lagi peranan dan fungsi *Invest Melaka Berhad* sebagai *One Stop Centre, First Point of Contact* kepada promosi pelaburan;
 - Memperkuuhkan lagi fungsi Jawatankuasa Express bagi mempercepatkan kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang dan pelaburan;
 - Menyediakan perkhidmatan *One-Stop Solution* kepada pelabur bagi mempercepatkan kelulusan lesen, pelan bangunan, isu-isu teknikal dan isu-isu pelaburan; dan

- iv. Membangunkan kawasan-kawasan perindustrian lengkap dengan infrastruktur, yang boleh ditawarkan dan dipromosi kepada para pelabur pada harga yang kompetitif.
- 75. Serentak itu, Kerajaan Negeri telah merangka pengwujudan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Negeri Melaka atau lebih dikenali sebagai *Melaka Waterfront Economic Zone* (M-WEZ), untuk memacu pembangunan ekonomi yang mampan bagi Melaka.
- 76. Cadangan pembangunan koridor ekonomi ini meliputi kawasan tambakan laut sedia ada seluas 25,000 ekar di sepanjang 33 kilometer pesisir pantai negeri Melaka, akan menjadi *economic enabler* baharu bagi negeri Melaka.
- 77. Majlis Perancang Fizikal Negara, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada Julai lalu, secara dasarnya bersetuju dengan cadangan konsep pembangunan M-WEZ. Kita di peringkat akhir untuk menghasilkan Blueprint M-WEZ untuk rujukan semua pihak.
- 78. Dengan adanya M-WEZ, Kerajaan mensasarkan untuk menarik pelaburan baharu bernilai lebih RM100 bilion dalam tempoh 15 tahun akan datang, untuk gagah ‘berdiri sama tinggi’, setanding dengan Koridor Wilayah atau Zon Ekonomi sedia ada di Malaysia.
- 79. Jika Tome Pires penulis buku ***The Suma Oriental*** mengatakan, dengan izin,

“Whoever is lord of Malacca, has hand on the throat of Venice”,
- 80. Maka tidak hairanlah, dengan M-WEZ, bakal menjadi *game changer*, merubah lanskap kemajuan negeri ini, bagi mengembalikan kegembilan Melaka, sebagai Pusat Perdagangan serantau termasyhur di dunia! InsyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

KEBAJIKAN DAN EKONOMI RAKYAT KEBERDAYAAN MODAL INSAN

MENYANTUNI ISU-ISU RAKYAT DALAM MENANGANI WABAK COVID-19

81. **Kelapan:** Menyentuh kebajikan dan ekonomi rakyat serta keberdayaan modal insan, Kerajaan Negeri Melaka amat memahami kesukaran yang terpaksa ditanggung oleh sebahagian daripada rakyat Negeri Melaka akibat COVID-19.
82. Justeru, Kerajaan Melaka telah mengumumkan **Pakej Rangsangan Ekonomi Melakaku Maju Jaya 2021: Sejahtera Bersama**. Bantuan kebajikan rakyat **melalui 60 inisiatif yang berjumlah RM174.53 juta itu**, telah menjadi antara **pakej bantuan tertinggi di Malaysia**.
83. Pakej berteraskan *Capital Economy* dan *People Economy*, yakni ekonomi berdasarkan keperluan dan kepentingan rakyat serta bertumpu kepada peniaga-peniaga kecil dan merangsang industri, saya percaya bantuan kebajikan ini, berupaya menggerakkan semula ekonomi Negeri Melaka menuju pemulihan.
84. Antara inisiatif *People Economy* misalnya, **Bantuan Kit Makanan seperti Kit Makanan Nutrisi Sejahtera, Kit Makanan Musa'adah, Pemberian Bantuan Alat Pembelajaran PDPR, Peruntukan Barang Asas Frontliners, Pengecualian pelbagai bayaran denda berkaitan cukai tanah, cukai taksiran dan sebagainya**.
85. Manakala, **bantuan melalui Capital Economy** seperti **Melaka Bebas Niaga, Dana Bantuan Kasih Niaga, Pengecualian Bayaran Denda Lewat Lesen Perniagaan dan Pembaharuan Lesen Perniagaan serta seumpamanya**.

86. Di sudut lain, pada 18 Ogos 2021, **Kerajaan Negeri Melaka telah memberikan insentif keseluruhan berjumlah RM53,000 kepada Aaron Chia Teng Fong**, anak jati Melaka, pemenang pingat gangsa badminton beregu lelaki, di temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.
87. Selain itu, hadiah saguhati RM3,000 setiap seorang, turut diberikan kepada Goh Liu Ying dan Lee Meng Yean, dua pemain badminton wanita kelahiran Melaka yang mewakili Malaysia ke sukan terbesar di dunia itu.
88. **Bak slogan bolasepak Melaka United, ‘Demi Kebanggaan Melaka’,... kepada Aaron Chia khususnya, syabas dan tahniah kami ucapkan!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MEMPERKASA SEKTOR PELANCONGAN

89. Tahun 2021 menyaksikan cabaran amat getir menimpa industri pelancongan negara, menyebabkan penggiat industri terjejas teruk, akibat penularan COVID-19.
90. Suka atau tidak, semua rantaian aktiviti ekonomi berkaitan pelancongan seperti penginapan, pengangkutan, beli-belah, makanan dan minuman serta penganjuran acara terpaksa disesuaikan dengan norma baharu, secara proaktif dan inovatif demi memastikan kelangsungan industri ini.
91. **Demi memulih dan mengembalikan daya saing industri pelancongan Negeri Melaka**, Bahagian Promosi Pelancongan Melaka, telah menjalinkan **kerjasama bersama Lazada**, bagi membangunkan *Page Melaka* di dalam Platform itu, untuk mengembangkan lagi produk-produk pelancongan Negeri Melaka. Antaranya melalui promosi Melaka E-Bazaar “**Buy Now, Travel Later**.
92. Lanjutan itu, kita juga bersetuju untuk **pemberian Insentif kepada Penggiat Industri Pelancongan Negeri Melaka Yang Telah Dilaksanakan pada Tahun 2021**.

93. Beberapa inisiatif dengan peruntukan RM114,600.00 diberikan kepada penggiat industri pelancongan;
- i. Kita beri insentif berjumlah RM32,400.00 kepada 162 Pemandu Pelancong pada 28 Februari 2021;
 - ii. Kita bagi insentif kepada 103 orang Pemandu Bas Persiaran Pelancong sebanyak RM20,600.00 pada 28 Februari 2021; dan
 - iii. Kita juga bantu kepada 308 orang Pengusaha Beca sebanyak RM61,600 pada 27 dan 28 Februari 2021 lalu.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

94. Ehwalnya, Kerajaan Melaka juga sentiasa berbincang bersama pemain-pemain industri pelancongan, wakil NGO dan badan-badan terlibat untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke negeri 'Hang Tuah' ini.
95. Antara inisiatif perancangannya:

Satu: Menarik pelancong bagi "Pelancongan Kesihatan dan Kesejahteraan" dari Jakarta, Sumatera, Singapura dan Brunei berdasarkan 4 hospital pakar bertaraf antarabangsa yang sesuai untuk Pelancongan Kesihatan;

Dua: Mengembalikan kegembirangan Lapangan Terbang Batu Berendam sebagai pusat latihan juruterbang negara; dan

Tiga: Meningkat penjanaan ekonomi yang baik kepada pengusaha-pengusaha hotel, homestay, pengangkutan, premis perniagaan dan pemain-pemain industri pelancongan.

96. Jadi, bagi terus mengalu-alukan kedatangan pelancong ke **Negeri Melaka Menggamit Dunia**, terimalah pantun “**Selamat Datang**” daripada saya:

**Bunga Kesidang bertangkai lembut,
Dekat telaga di pohon sagu,
Tamu datang kita menyambut,
Rakyat Melaka ramah menunggu.**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

PEMERKASAAN SEKTOR PERTANIAN NEGERI

97. Kerajaan begitu memahami sektor pertanian dan makanan, sehingga meletakkan industri ini sebagai indikator terpenting di negara kita.
98. Para peladang, penternak dan nelayan diberikan keutamaan, sehingga ditetapkan sebagai perkhidmatan utama atau *essential service* yang dibenarkan untuk beroperasi mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP).
99. Oleh itu, bagi menjamin kecukupan bekalan makanan di negeri ini, Kerajaan Melaka telah merangka Permodenan **aktiviti pertanian**.
100. Melalui Ringkasan Analisis Projek Mengikut Kategori Tanaman Tahun 2020 Januari hingga Jun 2021, berkaitan jumlah pengeluaran hasil pertanian Negeri Melaka, didapati Padi, Sayuran, Buahan dan Tanaman Kontan masih lagi dalam proses peningkatan hasil.
101. Misalnya, hasil pengeluaran padi tahun 2020 adalah 4,252.64 tan dengan nilai pengeluaran sebanyak RM5,271,953.43, berbanding hasil pengeluaran Januari hingga Jun 2021, bertambah dengan pengeluaran hasil sebanyak 4,359.27 tan dengan nilai pengeluaran RM4,570,939.91, dalam jangkamasa enam bulan sahaja.

102. Justeru, bagi meningkatkan lagi hasil pertanian di negeri ini, *Internet of Things* (IOT) adalah salah satu teknologi yang mampu mengubah bidang pertanian dengan menjadikan pengurusan kebun dan ladang lebih efektif dan efisien.
103. Di sudut ini, pasti ada tertanya-tanya, bagaimana pula dengan kos sara hidup golongan petani, penternak dan nelayan di Negeri Melaka? Apakah nasib mereka dibela?
104. Tak usah bimbang, beberapa program telah dirangka untuk membantu golongan ini.
105. **Satu:** Program D Fertigasi / Fertigasi Meja diperkenalkan dalam kalangan petani Negeri Melaka. Kaedah penanaman ini banyak kelebihan kepada petani dari segi pengurusan dan juga hasil pengeluaran serta nilai yang diperoleh agak tinggi dan berpatutan.
106. **Dua:** Selain itu, Pusat Pengumpulan Hasil tanaman telah dilaksanakan bagi memastikan hasil keluaran petani terjamin dan mendapat pulangan yang memuaskan serta mengelakkan hasil-hasil tersebut mengalami kerosakan.
107. **Tiga:** Bagi mengurangkan lagi beban kepada penternak, Jabatan Pertanian telah memberikan bantuan bersasar kepada penternak yang terkesan akibat wabak COVID-19.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MENINGKATKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

108. Berhubung meningkatkan kemudahan infrastruktur, Negeri Melaka telah mengemukakan senarai permohonan RMK-12 bagi Rolling Plan Kedua (RP2), yang meliputi permohonan cadangan projek keseluruhannya sebanyak **466 projek**, yang melibatkan 21 Kementerian dengan anggaran kos projek baharu berjumlah **RM 19.0 bilion**.

109. Daripada keseluruhan senarai tersebut, sebanyak **307 projek**, merupakan cadangan projek baharu, dengan anggaran kos sebanyak **RM 13.6 bilion**, manakala baki **159 Projek** merupakan projek sambungan / naiktaraf projek dengan anggaran kos sebanyak **RM5.4 bilion**.
110. Malah, melalui Belanjawan Melaka 2021, kita juga memperuntukkan perbelanjaan pembangunan RM75 juta ringgit, peningkatan 7.14 peratus atau RM5 juta ringgit, berbanding pada 2020.
111. Di perspektif lain, jika sebelum ini, sudah diumumkan, Bandar Melaka dan Jasin **tersenarai dalam 10 Bandar Paling Bahagia di Malaysia**.
112. Pada penghujung tahun lalu, kita berbangga, bukan sahaja kesemua PBT Negeri Melaka **telah berjaya mendapat penarafan 5 bintang**, bahkan melalui Petunjuk MURNInets KPKT merekodkan juga bahawa,...
113. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, telah diumumkan sebagai, **antara Bandar Paling Mampan di Malaysia. Tepuk syabas dan tahniah kepada keempat-empat PBT Negeri Melaka!**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MEMPERKASA SEKTOR KESIHATAN

114. **Setakat 18 September 2021, seramai 616,311 orang iaitu 91 peratus** daripada penduduk dewasa berumur 18 tahun dan ke atas **telah menerima dos 1**, manakala **521,858 orang iaitu 77 peratus telah lengkap dua dos**.
115. **Sehingga 18 September 2021 jam 12.00 tengahari**, terdapat **7 kes Variant of Concern (VOC) Beta B.1.351** dan **24 kes VOC Delta B.1.617.2** di Negeri Melaka.

116. Sehingga 1 September 2021, Negeri Melaka telah berjaya mencapai 5.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk, vaksinasi melebihi 50 peratus penduduk dewasa dan kapasiti ICU sederhana (melebihi 70 peratus), seterusnya melayakkan Negeri Melaka bergerak ke PPN Fasa 2 pada **4 September 2021** lalu.
117. Makluman semua, Kerajaan Melaka telah menjalankan pelbagai inisiatif bagi mempercepatkan pemberian vaksin kepada rakyat di negeri ini, bagi mencapai imuniti kelompok 80 peratus atau *herd immunity*, bahkan kita sasarkan sampai 100 peratus, akan dicapai seawal mungkin. Jika tiada aral melintang, menjelang pertengahan Oktober, Negeri Melaka mampu masuk ke Fasa 3, InsyaAllah.
118. Selanjutnya lagi, antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti berikut:
- i. Membuka 98 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sehingga pernah mencapai keseluruhan 114 PPV di Negeri Melaka antaranya:
 - 13 PPV awam;
 - 1 PPV Integrasi;
 - 2 PPV Mega;
 - 4 PPV Hospital Swasta;
 - 1 PPV Klinik Pakar Swasta;
 - 65 PPVGP;
 - 3 PPV Hospital Kerajaan;
 - 3 PPV Klinik Kesihatan;
 - 1 PPV Industri Umum; dan
 - 5 PPV mobile.
 - ii. Kita juga telah menjalankan aktiviti pemberian vaksin secara *outreach* oleh mobile team KKM dan NGO di kawasan terpencil seperti di perkampungan orang asli, pusat jagaan warga emas dan OKU, rumah pesakit terlantar, kawasan wabak, Program MOVAK oleh JPNIN/ KPKT dan JKN serta NGO MAKNA dan Program vaksinasi oleh NGO PAPISMA di PPV Masjid.

- iii. Selain itu, Kerajaan Melaka juga telah membenarkan *walk in* kepada warga emas dan OKU bermula pada 19 Julai 2021 dan penduduk berumur 50 tahun ke atas bermula pada 30 Ogos 2021.

Walk in kepada penduduk 18 tahun, dimulakan pada 3 September di PPV Mega Stadium Hang Jebat dan Stadium Jasin, secara berperingkat, dengan keutamaan penduduk warganegara Malaysia dahulu.

119. Kita juga telah meningkatkan keupayaan Hospital Melaka dengan menambah bilangan katil penjagaan kritikal, melalui penambahan bilangan katil di Wad Rawatan Rapi iaitu membina ICU Hybrid di Hospital Melaka yang boleh menempatkan tambahan 10 katil Rawatan Rapi.
120. Ini menambahkan kapasiti semasa dari 70 kepada 80 katil penjagaan kritikal bagi merawat pesakit dengan jangkitan COVID-19. Dengan peningkatan katil, dan juga perawatan, ini meningkatkan kualiti kesihatan rakyat Negeri Melaka dalam aspek penjagaan dan perawatan pesakit COVID-19. Kesemua hospital masih lagi meneruskan perawatan untuk penyakit lain.
121. PKRC Awam iaitu PKRC MITC pada 3 September 2021 juga telah memulakan perawatan pesakit akut dan separa akut sebanyak 50 katil bagi menampung peningkatan kes di Hospital Melaka.
122. Klinik Kesihatan (Jenis 4) dengan kuarters di Simpang Bekoh, Jasin, Melaka akan dibina dengan kos sebanyak RM 27 juta bagi memastikan kesinambungan usaha meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

123. Di samping itu, Kerajaan terus memperkasa Hospital Melaka agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyatnya dengan pelaksanaan beberapa projek bernilai RM 45 juta seperti berikut:

- Naiktaraf Bekalan Elektrik di Hospital Melaka;
- Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma serta Pergigian Pediatrik di Hospital Melaka; dan
- Naiktaraf Bangunan Sedia Ada Jabatan Perubatan Transfusi, Hospital Melaka.

124. Kerajaan juga turut memanfaatkan fasiliti-fasiliti kesihatan sedia ada dengan menjalankan usaha membaikpulih dan menaiktaraf Klinik Kesihatan Alor Gajah pada tahun ini dengan kos sebanyak RM 1.4 juta.

125. Dari segi perancangan jangka panjang, Kerajaan Persekutuan telah menyatakan komitmen bagi pembinaan sebuah Hospital Wanita dan Kanak-Kanak bernilai RM500 juta dengan kapasiti 478 buah katil di atas tapak Institut Latihan Kejururawatan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM).

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian,

126. Setelah kita mendengar apa yang saya bentangkan tadi, tak terfikirkah, siapa membantu kita selama ini?

127. **Merekalah petugas kesihatan, yang tidak pernah jemu membantu pesakit dan orang awam mendapat rawatan,...**

Merekalah juga anggota Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau APM, RELA dan lain-lain agensi, yang penuh dedikasi mengawal pergerakan dan pintu sempadan, bagi mengekang wabak COVID-19 serta penularan.

128. Atas pengorbanan Barisan Hadapan Negara itu, lalu apalah salahnya, jika kita beri tepuk penghargaan bergemuruh kepada *Frontliners* yang kita kasihi!

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MENAMBAH BAIK SKIM KEBAJIKAN DAN PERANAN WANITA

129. Kerajaan Negeri bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dalam mengatasi masalah sosio-ekonomi terutamanya kepada golongan B40.

130. Antara latihan bagi golongan wanita dan ibu tunggal adalah:

- Bantuan Program kemahiran kepada Wanita seperti pembuatan kuih dan jahitan.
- Program Kepimpinan Wanita Bekerjaya bagi mencungkil dan meningkatkan bakat wanita untuk memelihara hak-hak mereka dan kesamarataan dapat diperkasa bersandarkan perundangan yang ditetapkan.
- Program Kepimpinan Wanita Muda dengan memfokus kepada pembentukan kepimpinan Wanita muda dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah.
- Peruntukan pembangunan kemahiran Wanita oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM500,000.00.

131. Selain itu, Penerima Bantuan Kewangan JKMN Melaka menerusi skim bantuan negeri dan persekutuan adalah seramai 2,577 orang.

132. Penerima skim bantuan negeri tersebut iaitu menerusi Skim Bantuan Am adalah seramai 5,002 orang dan sehingga Ogos 2021, kita membelanjakan RM8,459,940.00.

133. Kerajaan Melaka juga menyediakan peruntukan RM13 juta tahun ini, bagi memastikan penerima bantuan kewangan skim bantuan negeri mendapat manfaatnya.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

MENGOPTIMUM KEMUDAHAN TEKNOLOGI

134. Selaras keperluan pemerkasaan digital terkini, yang menjadi keperluan segenap lapisan masyarakat, baik di bandar, di kampung maupun di desa, Kerajaan Negeri telah menjadikan kemudahan internet sebagai utiliti asas ketiga yang menjadi kayu pengukur tahap pembangunan dan kemajuan sesuatu lokaliti, selepas elektrik serta bekalan air.
135. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan pihak industri telekomunikasi, sentiasa memberi tumpuan kepada pemantapan infrastruktur digital melalui pelaksanaan pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang memfokus kepada:
 - i. pembinaan menara-menara baharu;
 - ii. menaiktaraf stesen-stesen pemancar sedia ada kepada teknologi 4G; dan
 - iii. menyediakan capaian gentian optik di premis-premis di seluruh negara sebagai persediaan untuk negara beralih kepada teknologi 5G.
136. Tambahan, sejak pelancaran JENDELA pada Ogos 2020:
 - 739 stesen pemancar komunikasi berteknologi 2G dan 3G sedia ada telah dan sedang dinaik taraf kepada teknologi 4G; dan
 - 154,959 atau 57.2 peratus premis perniagaan dan perumahan daripada keseluruhan premis di Negeri Melaka telah mendapat akses gentian optik berkelajuan Gigabit.
137. Hasil pelaksanaan JENDELA ini akan memberikan impak positif seperti:
 - kadar purata kelajuan jalur lebar mudah alih di Negeri Melaka, meningkat kepada 28.16 Mbps berbanding 19.89 Mbps pada suku tahun pertama 2020; dan
 - Liputan rangkaian 4G di kawasan berpenduduk telah meningkat kepada 98.98 peratus, berbanding 95.50 peratus pada suku tahun pertama 2020.

138. Kita turut perkenalkan pelbagai dasar dan inisiatif baharu, bagi memastikan akses kepada perkhidmatan digital yang lebih pantas dapat dinikmati oleh rakyat Melaka.
139. Antaranya termasuklah:
 - Kita tubuhkan Majlis Digital Negeri Melaka (Melaka Digital Council, MELDIC);
 - Pengiktirafan Dasar Perkhidmatan Komunikasi sebagai Utiliti Awam Ketiga; dan
 - Pemakaian Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Telekomunikasi (GPP-i).
140. Selari dengan wabak COVID-19 yang belum menampakkan tanda berakhir, rakyat di Negeri Melaka digalakkan menerokai pendigitalan dalam bidang perniagaan, yang tidak bergantung kepada infrastruktur dan program sahaja, sebaliknya pasaran perniagaan atas talian yang kompetitif.
141. Di samping itu, Melaka Digital Command Centre (MD2C) dirancang oleh Kerajaan Negeri Melaka mulai 2021. Di antara data-data yang berada di MD2C ini adalah data-data negeri Melaka berkaitan pelancongan, aduan, pembangunan projek, bantuan awam, serangan siber, keselamatan awam, kesihatan dan lain-lain.
142. Sehingga kini, kerja-kerja pengubahsuaian fizikal dan pengumpulan data-data serta maklumat digital, dijangka dapat diselesaikan pada penghujung Oktober 2021.
143. Berhubung Data Raya pula, agensi Institut Tun Perak, UPEN dan BTMK, JKMM, telah mengorak langkah ke arah penyediaan Inisiatif Data Raya Negeri Melaka, bagi membangunkan Pelan Perancangan Pembangunan Data Raya 2035 atau PPDR 2035.

144. PPDR 2035 bertujuan untuk mengaktifkan penggunaan maklumat di Sektor Awam Negeri Melaka secara sistematik dan bersepadu. Pewujudan ekosistem data raya akan dapat memastikan penggunaan teknologi, bagi membantu merangka polisi, sosio ekonomi dan mewujudkan inovasi untuk membantu Kerajaan Negeri membuat keputusan-keputusan penting.
145. Lebih membanggakan, Negeri Melaka telah dipilih untuk menjayakan program *UK Prosperity Fund Global Future Cities Programme* yang melibatkan pengkhususan dalam dua (2) bidang iaitu:
- a) *Green Transport Corridor Implementation Plan* (Pelan Pelaksanaan Koridor Pengangkutan Hijau); dan
 - b) *Heritage Area Integrated Mobility Plan* (Pelan Mobiliti Bersepadu Kawasan Warisan).
146. Bagi pelaksanaan program ini, perunding Mott Macdonald telah dilantik oleh pihak United Kingdom Foreign Commonwealth & Development Office atau FCDO, Pejabat Kedutaan Britain di Malaysia secara tender terbuka dan program ini dipantau melalui Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal yang dipersetujui di peringkat Kerajaan Negeri.
147. Hasil kajian ini, pihak FCDO akan membantu Kerajaan Melaka dari aspek teknikal berhubung tiga tonggak utama yang menjadi tumpuan dalam menangani halangan kepada kemakmuran bandar seperti Perancangan Bandar (*Urban Planning*), Pengangkutan (*Transportation*) dan Ketahanan (*Resilience*).
148. Lanjutan itu, ***Smart Melaka Blueprint 2035*** sedang dibangunkan, yang merupakan satu kerangka asas, merangkumi lima (5) kluster sebagai tunggak kepada Smart Melaka.

149. Untuk itu, Kerajaan menyediakan dokumen Smart Melaka Blueprint 2035 melibatkan kos RM300,000.00, di mana RM150,000.00 ditampung menggunakan **Geran Global Environment Facility (GEF)** dan bakinya sebanyak RM150,000.00 lagi, diluluskan menggunakan peruntukan Kerajaan Melaka pada Disember 2020.
150. Di sisi berbeza, saya mengucapkan syabas **kepada Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)**, yang memenangi **Anugerah Khas Jean Paul L'allier Prize For Heritage Oleh Pertubuhan Bandar Warisan Dunia (OWHC)**, berpangkalan di Quebec, Kanada.
151. Di kesempatan itu juga, saya ingin berkongsi satu lagi cerita kejayaan, apabila **Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)**, diberikan **Anugerah Diamond Recognition**, bagi pencapaian program **Low Carbon Cities Challenge 2030**, menewaskan 154 majlis perbandaran di seluruh Malaysia pada 2020.

Kepada MBMB, MPHTJ dan MPAG, tepukan tahniah daripada kami!

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

GARIS KEMISKINAN

152. Berhubung pendapatan garis kemiskinan yang disebutkan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, kesan penularan COVID-19, paras kemiskinan Negeri Melaka **berada pada 6.1 peratus untuk tahun 2020, masih rendah berbanding paras kemiskinan nasional 8.4 peratus.**
153. Tetapi, Kerajaan Melaka tidak sesekali berada dalam *comfort zone*, sebaliknya tetap melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu golongan sasar.

154. Selain daripada program bantuan *one-off* dan keusahawanan yang telah diberikan, kita juga turut melaksanakan Program Perumahan Mampu Milik kepada rakyat Melaka yang memerlukan.
155. Program Rumah Prihatin merupakan kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sasaran pelaksanaan projek perumahan ini kepada golongan berpendapatan rendah B40. Untuk ini, Kerajaan akan membangunkan sebanyak 353 buah rumah dengan kos keseluruhan berjumlah RM11.67 Juta.
156. Selain itu, Kerajaan Melaka turut melaksanakan program penempatan semula nelayan di Perkampungan Nelayan di Kuala Sungai Baru Ilir.
157. Sebanyak 60 unit rumah perkampungan nelayan terlibat dalam program baik pulih dan bina baharu, di mana penerimanya adalah nelayan yang berdaftar dengan ahli persatuan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Negeri Melaka (LKIM). Begitu juga dengan 50 buah rumah di bawah Projek Rumah Sejahtera di Lipat Kajang akan disiapkan dengan segera.
158. Di sisi menolong rakyat juga, sebagai Kerajaan yang prihatin kepada rakyatnya, terutama dalam membantu golongan terkesan akibat wabak COVID-19, **saya dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)** telah bersetuju **memotong gaji kami, bermula dari bulan Januari 2021 sehingga Disember 2021, iaitu sebanyak 10 peratus!**
159. Inisiatif ini disalurkan ke **Tabung Bantuan Bencana COVID-19 Negeri Melaka**, melibatkan **peruntukan sejumlah RM102 ribu.**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

SYIAR ISLAM

160. Dewasa ini, memahami Ajaran Islam berdasarkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah mustahak, untuk diterapkan di dalam hati nurani setiap golongan masyarakat Islam terutamanya rakyat di negeri Melaka.
161. Bagi tujuan ini, Jabatan Agama Islam Melaka atau JAIM melalui Bahagian Penguatkuasaan Syariah, telah meneliti beberapa program Penjelasan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang dilaksanakan di masjid-masjid dan Institut Pengajian Tinggi di negeri Melaka antaranya:
 - i. Ceramah Penjelasan Apa Itu Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - ii. Ceramah Perkara-Perkara Yang Bercanggah Dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah;
162. Selain itu, pemantauan dan penyelidikan terhadap ajaran-ajaran yang telah difatwakan haram di Negeri Melaka dan pemantauan bahan-bahan media cetak dan elektronik terus dijalankan bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti PDRM, JAKIM serta KDN.
163. Antara kes-kes ajaran sesat yang aktif di negeri Melaka seperti Syiah di Felda Kemendor, Ajaran Panji Langit di Simpang Bekoh, aktiviti perbomohan di Masjid Tanah dan seumpamanya.
164. Maka itu, **hari lusa, pada pembentangan usul “memperkuatkan Maksud Tafsiran Ahli Sunnah Wal Jamaah...,,** saya akan memperincikannya lagi.

165. Dalam hal ini, terdapat beberapa **kaedah penyebaran ajaran salah di Negeri Melaka** seperti berikut:

- **Ajaran Syiah** - melalui perkahwinan, ceramah-ceramah dalam talian dan perjumpaan di premis persendirian; dan
- Ajaran-ajaran salah yang lain adalah melalui kaedah perniagaan, kaedah kelas agama dalam talian, bergerak dari rumah ke rumah ahli, menjalankan aktiviti pemujaan dan khurafat serta menjalankan aktiviti perubatan dan perbomohan.

166. Apapun, saya doakan agar suatu hari nanti, **Melaka mampu menjadi Pusat Ketamadunan Islam Serantau Terkemuka di Dunia! InsyaAllah.**

PENUTUP

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, Sahabat-Sahabat Yang Saya Hormati Sekalian;

167. **Terakhir yang kesembilan menuju TS35: Sebagai mengukuhkan lagi keikhlasan kita dalam membina perpaduan Keluarga Besar Melaka, maka sukacitanya saya umumkan, sumbangan Kit Makanan, kepada setiap YB ADUN Negeri Melaka, tanpa mengira yang di sebelah sini mahupun di seberang sana, dengan peruntukan berjumlah **RM50,000.00 ringgit!****

168. Sumbangan **Kit Makanan berharga RM50.00 bagi setiap kit ini, terdiri daripada barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, susu pekat manis danbihun, yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.4 juta ringgit.**

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

169. Atas segalanya, **seperti dimadah orang Melayu,...**

**Buah sebakul dibawa bonda,
Letak di para sama dikongsi,
Transformasi Sejahtera TS35 rakyat bahagia,
Keluarga Melaka bermula di sini.**

170. Lantas saya berharap, agar apa kita bahaskan pada hari ini dan hari-hari berikutnya, akan menghasilkan impak berkesan kepada kesejahteraan rakyat serta peroleh keberkatan daripada yang Maha Berkusa yakni Allah SWT.

171. Lalunya, bersamalah kita zahirkan terima kasih kepada semua pihak yang turut bersama kita, dalam menjayakan apa jua inisiatif dan perancangan, untuk kebaikan Melaka. **Syabas dan silalah, kita beri tepuk penghargaan kepada mereka!**

172. Harapan saya, semoga Melaka kembali pulih, bangkit menjadi negeri maju jaya, bagai disesuai daripada **Ptolemy tokoh Yunani** sebagai, “*The Jewel in the Golden Chersonese*”, yakni **Permata Bersinar, di Semenanjung Emas, Melaka Bandar Warisan dunia, megah termasyhur seantero antarabangsa**. InsyaAllah.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

173. Akhirul kalam, marilah kita sama-sama menadah tangan sambil berdoa kepada Rabbul Jalil, Tuhan Yang Menguasai sekalian alam semesta.

174. **Bismillahir Rahmannir Rahim,**

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

*Bismil-lahil Lazi Laa Ya-dhurru Maas
Mihi Syai-un Fil Ardhi Wala Fis Sama-i
Wahuwas Samiul A'lim.*

“Dengan nama Allah yang bila disebut, segala sesuatu di bumi mahupun di langit, tidak akan memudarat lagi berbahaya, Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ
وَسَيِّئِ الْأَسْقَامِ

*Allah Humma Inna Na'Uzu Bika Minal
Baras Wal Junun Wal Juzam Wa Sai Yi-
il Asqhom.*

“Ya Allah Aku berlindung DenganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan daripada segala penyakit berbahaya yang lain.”

Rahmatilah kami Ya Allah,..

Rahmatilah Rakyat Kami Ya Allah,...

Rahmati dan sejahterakanlah Negeri dan Negara Kami Ya Allah.

Aamiin Ya Rabbal A'lamin.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum*
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Seri Speaker,

Saya mohon mencadang.